

PENUTUPAN MASJID DI ERA PANDEMIK COVID 19: KOMITMEN MASJID TERHADAP KEBAJIKAN UMMAH

Mohamad Sofuan Bin Mohamad Saleh

¹Faculty of Management & Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Mohamad Sofuan Bin Mohamad Saleh. Faculty of Management & Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: msufuan@kuis.edu.my

Abstrak

Objektif kajian ini adalah untuk meneliti peranan masjid dalam melaksanakan aktiviti penerimaan dan pemberian bantuan kebajikan kepada ahli kariah ketika penutupan sementara masjid akibat PKP pandemik covid 19. Metodologi yang digunakan adalah kaedah kualitatif melalui penerokaan terhadap sumber kepustakaan yang merujuk kepada data dan dokumen rasmi jabatan, laporan akhbar, buku-buku dan artikel yang berkaitan serta laporan pihak yang berkepentingan dalam isu COVID-19 di Malaysia. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa pihak masjid sebenarnya masih boleh menjalankan aktiviti penerimaan dan pemberian bantuan kebajikan kepada ahli kariah melalui kaedah norma baharu semasa penutupan sementara masjid akibat PKP pandemik covid 19 dengan pelbagai inisiatif yang kreatif. Implikasi kajian ini memberi kesedaran kepada umat Islam bahawa pihak masjid masih boleh menjalankan aktiviti pemberian bantuan kebajikan kepada ahli kariah melalui kaedah norma baharu walaupun pada saat masjid ditutup sementara disebabkan oleh PKP pandemik covid 19 dengan pelbagai inisiatif yang kreatif. Ianya bagi menggantikan norma biasa yang dilakukan sebelum ini. Melalui pelaksanaan kaedah norma baru tersebut, ianya boleh memberi manfaat kepada ummah secara keseluruhannya. Justeru, penutupan sementara masjid di sepanjang tempoh PKP berkuat kuasa tidak bererti aktiviti bantuan kebajikan seperti bank makanan (*food bank*) untuk kemaslahatan ummah yang telah dijalankan oleh pihak masjid sebelum ini juga turut ditutup dan terhenti sementara.

Kata kunci: masjid, pandemik, sumbangan, kebajikan, norma baharu.

(CLOSURE OF MOSQUE IN THE PANDEMIC ERA COVID 19: THE MOSQUE'S COMMITTEMENT TO THE WELFARE OF THE UMMAH)

Abstract

The objective of this study is to examine the role of mosques in implementing activities of receiving and providing welfare assistance to parishioners during the temporary closure of mosques due to PKP covid pandemic 19. The methodology used is a qualitative method through exploration of library sources referring to official data and documents newspapers, books and related articles as well as stakeholder reports on the COVID-19 issue in Malaysia. The results of this study show that the mosque can actually still carry out activities of receiving and providing welfare assistance to parishioners through the new norm method during the temporary closure of the mosque due to PKP covid 19 pandemic with various creative initiatives. The implications of this study are to give awareness to Muslims that the mosque can still carry out activities to provide welfare assistance to parishioners through the new norm method even when the mosque is temporarily closed due to PKP covid 19 pandemic with various creative initiatives. It is to replace the usual norms that were done before. Through the implementation of the new norm, it can benefit the ummah as a whole. Thus, the temporary closure of the mosque during the period of PKP in force does not mean that welfare assistance activities such as food banks for the benefit of the ummah that have been carried out by the mosque before are also closed and temporarily stopped.

Keywords: *mosque, pandemic, contribution, welfare, new norm.*

Received: October 21, 2021

Accepted: December 27, 2021

Online Published: December 31, 2021

Pengenalan.

Penutupan sementara masjid di sepanjang tempuh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa berlakunya pandemik covid 19 adalah bertujuan untuk membendung penularan virus covid 19. Ianya merupakan salah satu langkah pencegahan yang telah dilakukan oleh pihak masjid untuk mengelakan virus covid 19 daripada merebak di kalangan ahli jemaah masjid. Susulan daripada itu, penutupan sementara masjid tersebut merupakan tindakan proaktif yang sangat baik dalam usaha untuk mengelakan mana-mana masjid daripada menjadi punca kepada terjadinya kluster masjid untuk covid 19 (Shaharin, 2021). Justeru dalam situasi peningkatan kes covid 19 yang amat tinggi setiap hari di negara ini dewasa ini, langkah pelaksanaan penutupan sementara masjid merupakan suatu inisiatif yang amat wajar dilakukan.

Penutupan sementara masjid di sepanjang tempuh PKP tersebut bukannya tanpa bersandarkan kepada justifikasi yang kukuh dan disepakati oleh pihak berkuasa agama yang berautoriti. Keadaan dan perkembangan semasa pandemik covid 19 adalah sentiasa berada dalam pemantauan pihak berkuasa agama (Harun, et. al., 2020) Ianya diikuti dengan perbincangan-perbincangan pihak berkuasa agama di peringkat negeri yang kemudiannya mengeluarkan ketetapan, peraturan dan garis panduan samada berkaitan penutupan sementara masjid atau pembukaan masjid tetapi dengan pematuhan standard prosedur yang ketat (Abdul Karim, et. al., 2020). Lantaran itu, ketetapan, peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan adalah diselaraskan dari masa ke semasa oleh pihak berkuasa agama yang berautoriti seperti majlis agama Islam berdasarkan kepada keadaan semasa pandemik covid 19 di sesuatu tempat (Mohd Bhukhari & Mohd Subri, 2020).

Realitinya, penutupan sementara masjid di sepanjang tempoh PKP berkuat kuasa telah menyebabkan penetapan had tertentu ke atas bilangan jemaah yang boleh hadir untuk menunaikan solat berjemaah lima waktu di masjid setiap hari (Mahaiyadin & Samori, 2020). Selain itu, aktiviti pengimarah masjid melalui program-program tazkirah dan ceramah agama secara bersemuka juga ditangguhkan di sepanjang penutupan sementara masjid tersebut (Mat Ruzki, 2020). Di samping itu, segala kegiatan atau aktiviti masjid yang perlu dijalankan secara bersemuka dan dalam jumlah penyertaan yang ramai adalah tidak dibenarkan sama sekali dan dibatalkan (Bernama, 2021). Sayugia, tempoh penutupan sementara masjid di sepanjang tempoh PKP berkuat kuasa telah menyebabkan masjid menjadi kelihatan agak suram (Omar, 2021).

Namun demikian, penutupan sementara masjid di sepanjang tempoh PKP berkuat kuasa tidak bererti aktiviti bantuan kebajikan seperti gerobok rezeki masjid atau bank makanan (*food bank*) masjid untuk kemaslahatan ummah yang telah dijalankan oleh pihak masjid sebelum ini juga turut ditutup dan terhenti sementara. Penutupan masjid tidak bermakna semua aktiviti kebajikan masjid juga turut digantung (Arifin, 2021). Sebenarnya pihak masjid masih boleh menjalankan aktiviti pemberian bantuan kebajikan kepada ahli kariah melalui kaedah norma baharu pasca pandemic covid 19 dengan pelbagai inisiatif yang kreatif. Menggantikan norma biasa yang dilakukan sebelum ini dengan kaedah norma baru tersebut boleh memberi manfaat kepada ummah secara keseluruhannya.

Golongan sasar penerima bantuan.

Untuk melaksanakan pemberian bantuan kebajikan dengan lebih berkesan dan mencapai sasaran yang sepatutnya, pihak masjid perlulah pada asasnya mempunyai *database* yang merangkumi senarai keseluruhan ahli kariah yang layak sebagai penerima bantuan kebajikan. Sebagai langkah lebih prihatin, pihak masjid perlulah sentiasa mengemaskini (*update*) dan mengekalkan (*maintain*) pengkalan data (*database*) tersebut dari masa ke semasa. Pengemaskinian *database* tersebut boleh dilakukan dengan cara turun padang, di mana ahli jawatankuasa masjid sendiri yang pergi mencari dan mengenal pasti ahli-ahli kariah yang layak sebagai penerima bantuan kebajikan dari masjid.

Ianya juga boleh dilakukan melalui kempen ahli kariah prihatin dengan menggalakan ahli kariah melaporkan kepada pihak masjid sekiranya terdapat individu atau keluarga yang daif dan memerlukan bantuan kebajikan dari masjid. Di samping itu, pihak masjid juga boleh mendapatkan maklumat ahli kariah yang memerlukan bantuan kebajikan tersebut daripada pihak persatuan penduduk kariah. Langkah-langkah tersebut adalah penting bagi mengelakan daripada berlakunya keciciran di pihak ahli kariah yang layak daripada menerima bantuan kebajikan masjid.

Kebiasaannya ahli kariah yang layak sebagai penerima bantuan kebajikan daripada pihak masjid tersebut adalah terdiri daripada penduduk golongan B40. B40 yang dikenali sebagai *bottom 40* merupakan keadaan di mana 40 peratus daripada penduduk Malaysia berada dalam kategori tersebut. Ianya merujuk kepada pendapatan purata bulanan sesuatu isi rumah di bawah RM4,850.00 setiap bulan. Kumpulan B40 tersebut yang sebelum ini terdiri dari satu kategori sahaja. Namun untuk tujuan lebih bersasar dan lebih mengkhusus (*specific*), sekarang ini kumpulan B40 tersebut telah dibahagikan pula kepada empat kategori; kategori B1, B2, B3 atau B4. Pembahagian empat kategori kumpulan B40 tersebut adalah seperti dalam jadual 1¹.

¹ Jabatan Perangkaan Malaysia. Kumpulan B40 dan had pendapatan isi rumah sebulan.
<https://www.dosm.gov.my/v1/index.php>.

Kumpulan B40	Had pendapatan isi rumah sebulan
B1	Kurang daripada RM2,500
B2	RM2,501 hingga RM3,170
B3	RM3,171 hingga RM3,970
B4	RM3,971 hingga RM4,850

Jadual 1. Pembahagian kumpulan B40

Sementara itu, menurut dapatan kajian yang dijalankan oleh pihak Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar kemiskinan negara ini secara umumnya telah meningkat kepada 8.4 peratus pada tahun 2020 berbanding 5.6 peratus pada tahun 2019. Dalam mengukur garis kemiskinan rakyat negara ini supaya lebih bersasar, pihak kerajaan Malaysia telah memperkenalkan tahap Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang baharu pada tahun 2020. Lantaran itu, pada bulan Julai tahun 2020, had PGK di Malaysia telah disemak semula oleh pihak kerajaan dan dinaikkan kepada RM2,208 untuk pendapatan purata bulanan sesuatu isi rumah².

Ianya membawa maksud, bermula daripada tahun 2020, pendapatan purata bulanan sesuatu isi rumah di bawah paras RM2,208 untuk setiap bulan adalah termasuk dalam kategori keluarga miskin (asnaf). Penggubalan kadar PGK baru tersebut telah mengambil kira beberapa faktor utama berkaitan asas kesejahteraan hidup penduduk di negara ini (Tuah, 2020). Di antara faktor tersebut ialah kadar pendapatan penduduk bandar dan juga kadar pendapatan penduduk luar bandar, faktor keperluan semasa yang menekankan kepada pengambilan makanan optimum dan keperluan asas bukan makanan yang lebih berkualiti serta faktor keperluan asas untuk isi rumah hidup sihat dan aktif (Mohamad, 2020).

Masjid dan kumpulan sasaran bantuan kebajikan.

Pihak masjid perlu mengambil inisiatif yang sewajarnya dalam mengenal pasti dengan teliti terutamanya keadaan setiap keluarga B40 di kariah masing-masing. Proses tersebut boleh dilakukan dengan cara mendapatkan butiran perincian untuk setiap keluarga B40 di kariah masing-masing. Proses untuk mendapatkan butiran perincian setiap keluarga B40 boleh dilaksanakan melalui keterlibatan semua ahli jawatankuasa masjid dalam membuat banci perincian penduduk kariah. Antara lain butiran perincian keluarga B40 tersebut akan mencatatkan bilangan ketua keluarga (*single parent*, bukan *single parent* atau tiada *parent*), sumber pendapatan, purata jumlah pendapatan isi rumah untuk setiap bulan, jumlah tanggungan dalam keluarga, bilangan anak kelainan upaya, purata pembayaran sebulan untuk perbelanjaan; utiliti, sewa rumah, pakaian, makanan dan minuman, pengangkutan, persekolahan anak, pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan dan sebagainya.

Pihak masjid boleh menggunakan perincian butiran keluarga B40 tersebut untuk membuat senarai keutamaan bagi penerima bantuan kebajikan. Senarai keutamaan bagi penerima bantuan kebajikan tersebut haruslah memberi keutamaan kepada keluarga B40 dari kategori B1 (asnaf paling *hardcore*) untuk menerima bantuan kebajikan. Kemudian daripada itu, bantuan kebajikan boleh disalurkan kepada keluarga B40 (asnaf) dari kategori B2, B3 dan B4 yang terjejas akibat penularan wabak covid 19 mengikut urutan had pendapatan isi rumah sebulan seperti yang terdapat dalam jadual 1 di atas. Adalah amat penting bagi pihak masjid untuk mengklasifikasikan setiap keluarga B40 tersebut

² Jabatan Perangkaan Malaysia. House hold income estimates and incidence of poverty report, Malaysia 2020. https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=493&bul_id=VTNHRkdiZkFzenBNd1Y1dmg2UUlrZz09&menu_id=amVoWU54UTl0a21NWmdhMjFMMWcyZz09

samaada termasuk di dalam kategori B1, B2, B3 atau B4. Ianya bagi memastikan bantuan kebajikan yang akan disalurkan oleh pihak masjid, akan benar-benar dapat menyantuni kumpulan sasaran yang lebih memerlukan, terutamanya asnaf kategori B1 dengan lebih berkesan.

Masjid dan norma baharu

Penutupan sementara masjid di sepanjang tempoh pelaksanaan PKP semasa berlakunya pandemic covid 19, memerlukan pihak masjid mengaplikasikan kaedah norma baharu samada dalam operasi pentadbiran atau aktiviti pengimarahannya dan program kebajikannya (Sulaiman, 2020). Sebelum ini, program bantuan kebajikan masjid untuk ahli kariah yang memerlukan adalah berpusat dan dijalankan di masjid. Akan tetapi, kesan daripada penutupan sementara masjid tersebut, masanya telah tiba di mana pihak masjid perlu keluar daripada masjid untuk melakukan program pemberian bantuan kebajikan kepada ahli kariah yang memerlukan (Mohamed & Mohd Rani, 2020).

Program pemberian bantuan kebajikan masjid yang dilakukan di luar kawasan masjid boleh dilakukan dengan cara menjadikan rumah salah seorang ahli jawatan kuasa masjid sebagai tempat pengumpulan dan agihan bantuan (Abdul Rahman, 2021). Persetujuan bersama di kalangan ahli jawatan kuasa masjid perlu dicapai untuk menentukan rumah siapa yang hendak dijadikan sebagai tempat pengumpulan dan agihan bantuan tersebut. Ianya boleh samada rumah pengerusi, bendahari, setiausaha atau ahli jawatan kuasa masjid yang lain yang dijadikan sebagai tempat pengumpulan dan agihan bantuan kebajikan. Sementara itu, apa yang penting ialah rumah yang dipilih tersebut perlulah mempunyai suatu tempat atau ruangan khas yang sesuai atau bilik kosong untuk digunakan sebagai tempat pengumpulan dan simpanan barang-barang bantuan kebajikan yang disumbangkan oleh pelbagai pihak sebelum diagihkan kepada ahli kariah yang memerlukan.

Pihak masjid sekurang-kurangnya perlu memiliki dokumentasi seperti buku daftar senarai ahli kariah yang memang layak sebagai penerima bantuan kebajikan, buku daftar inventori barang-barang yang diterima dari sumbangan pelbagai pihak (buku inventori sumbangan barangan masuk) dan buku daftar inventori barang-barang yang diberikan kepada penerima bantuan (buku inventori sumbangan barangan keluar). Buku-buku daftar (register books) tersebut adalah sangat penting untuk menjadikan gerak kerja penerimaan dan penyaluran bantuan menjadi lebih sistematik, efektif dan efisien. Di samping itu, ianya juga diperlukan sebagai indikasi untuk mewujudkan ketelusan, akauntabiliti dan integriti dalam mengurus tadbir penerimaan dan penyaluran bantuan. Dengan yang demikian, sebarang ketirisan, peyelewangan atau penyalah-gunaan bantuan yang diterima dapat dicegah dan dielakkan. Meremehkan dokumentasi tersebut merupakan bibit-bibit awal yang membawa ke arah berlakunya *fraud* dalam urusan tadbir sumbangan yang diterima.

Selain daripada itu, senarai nama ahli kariah yang layak sebagai penerima bantuan kebajikan juga perlu sentiasa dikemaskini dari masa ke semasa. Ianya adalah amat penting dalam memastikan bahawa semua ahli kariah yang benar-benar layak sebagai penerima bantuan kebajikan tidak tercicir. Pihak masjid perlu mengambil inisiatif sewajarnya untuk mengemaskini senarai nama ahli kariah yang layak sebagai penerima bantuan kebajikan. Ianya adalah untuk memastikan kebajikan ahli kariah yang benar-benar memerlukan bantuan kebajikan adalah sentiasa terjamin.

Memandangkan masjid adalah dalam keadaan ditutup untuk sementara waktu disebabkan oleh pandemik covid 19, pihak masjid juga boleh menjadikan dewan komuniti, balai raya, balai penghulu, rumah ketua kampung atau mana-mana premis kosong yang terdapat di dalam sesebuah kariah sebagai tempat pengumpulan dan agihan bantuan (Hanafi, 2020). Kebenaran bertulis adalah diperlukan dari pihak-pihak yang berkenaan untuk kegunaan premis-premis tersebut. Manakala persetujuan daripada penghulu dan ketua kampung perlu diperolehi untuk tujuan tersebut. Pada kebiasaannya, tidak menjadi masalah kepada pihak-pihak berkenaan untuk memberi kebenaran penggunaan tempa-

tempat tersebut. Penggunaan tempat-tempat tersebut adalah suatu keutamaan dan keperluan prioritas dalam usaha membantu menanggapi implikasi sosial kesan daripada wabak covid 19.

Pihak masjid perlu mengadakan satu kaedah dan prosedur (SOP) yang sistematik untuk mengurus tadbir di tempat-tempat tersebut dalam usaha penerimaan dan pengagihan batuan kepada ahli kariah yang memerlukan (Mohamed & Mohd Rani, 2020). SOP tersebut adalah amat diperlukan supaya segala aktiviti penerimaan dan pengagihan batuan yang dipraktikkan di tempat-tempat tersebut akan menjadi lebih efektif dan efisien. Di samping itu juga SOP tersebut dapat mengelakan sebarang kemungkinan negatif yang tidak sewajarnya berlaku dalam proses penerimaan dan pengagihan batuan di tempat-tempat tersebut. Selain daripada itu, pihak masjid juga perlu melantik individu-individu yang difikirkan sesuai sebagai individu pengawal-selia (person in charge - PIC) yang akan diamanahkan dan bertanggung jawab sepenuhnya dalam mengendalikan proses penerimaan dan pengagihan batuan di tempat-tempat tersebut.

Di samping itu, pihak masjid juga boleh menjalin kerjasama dengan pusat pengumpulan dan agihan bantuan komuniti sedia ada di kariah masing-masing. Di sesetengah kariah, terdapat persatuan penduduknya yang telah mewujudkan pusat pengumpulan dan agihan bantuan komuniti. Sebagai contoh, pusat pengumpulan dan agihan bantuan komuniti ialah Gerobok Rezeki Kita, Bank Makanan Kampungku, Free Food Bank dan sebagainya. Oleh yang demikian, pihak masjid boleh menggunakan pusat pengumpulan dan agihan bantuan komuniti tersebut untuk bersama-sama melaksanakan aktiviti penerimaan dan pengagihan batuan kebajikan kepada ahli kariah. Justeru ianya dapat memudahkan pihak masjid dalam usaha mencari premis yang sesuai untuk dijadikan pusat pengumpulan dan agihan bantuan kebajikan. Lantaran itu, usaha-usaha akan menjadi lebih terfokus dalam pengumpulan dan agihan bantuan kebajikan.

Pada kebiasaannya pusat pengumpulan dan agihan bantuan komuniti sedia ada di sesuatu kariah akan mengalu-alukan keterlibatan pihak masjid untuk bersama-sama mereka dalam usaha pengumpulan dan agihan bantuan kebajikan kepada ahli kariah. Persefahaman dan kerjasama yang baik di antara pihak masjid dan pusat pengumpulan dan agihan bantuan komuniti boleh meningkatkan keyakinan masyarakat yang berkemampuan untuk secara berterusan menyalurkan bantuan makanan dan keperluan-keperluan lain melalui pusat pengumpulan dan agihan bantuan komuniti tersebut. Ini adalah kerana institusi masjid membawa makna dan persepsi yang besar dan mendalam kepada seluruh umat Islam. Rentetan daripada itu, satu korelasi yang lebih kukuh dan mampan boleh terhasil di antara pihak penyumbang dan pusat pengumpulan dan agihan bantuan komuniti tersebut. Kesan daripada hubung-jalin yang sangat baik di antara penyumbang, pusat penerimaan dan agihan sumbangan serta penerima sumbangan kebajikan, ia akan memberi impak yang lebih maksima, lebih efektif dan lebih efisien kepada aktiviti penerimaan dan agihan sumbangan kebajikan di sesuatu kariah.

Sekiranya pihak masjid tidak bercadang untuk melakukan perkara-pekerja di atas dalam usaha menerima dan mengagihkan sumbangan kebajikan kepada ahli kariah, pihak masjid boleh melakukannya sendiri di premis masjid melalui gerobok rezeki masjid atau bank makanan masjid (Muttaqin & Sidik, 2021). Ianya boleh dilakukan dengan cara membuka dua kaunter berasingan di hadapan pintu pagar masjid. Kaunter pertama adalah berfungsi untuk menerima sumbangan makanan dan barang-barang keperluan lain daripada penyumbang-penyumbang. Manakala kaunter kedua bertindak untuk mengagihkan bantuan kebajikan tersebut kepada ahli-ahli kariah yang memerlukan.

Agihan makanan dan barang-barang keperluan lain tersebut boleh dilakukan dengan cara pandu lalu atau berbaris menikut giliran setiap penerima. Walaubagaimanapun, SOP yang ketat perlu diamalkan dan dipatuhi di sepanjang proses menerima dan mengagihkan sumbangan kebajikan. Sekiranya terdapat sebarang ketidak patuhan atau pelanggaran SOP, pihak masjid perlu segera mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah

pelanggaran SOP tersebut. Pihak masjid perlu tegas dan teliti dalam memastikan pematuhan SOP pencegahan pandemik covid 19 di sepanjang aktiviti penerimaan dan pengagihan sumbangan kebajikan tersebut. Ianya adalah amat penting untuk mencegah penyebaran virus covid 19. Dengan yang demikian ianya dapat mengelakan masjid daripada menjadi kluster covid 19.

Pihak masjid juga boleh melaksanakan inisiatif penghantaran sumbangan makanan atau barang-barang keperluan lain yang diterima daripada penyumbang ke rumah-rumah ahli kariah yang memerlukan (Ramli, 2021). Ianya berkemungkinan terdapat ahli kariah yang tidak berkeupayaan hadir ke masjid untuk mendapatkan sumbangan kebajikan. Dalam situasi tersebut, sukarelawan masjid adalah diperlukan sebagai *runner* untuk menghantar bantuan kebajikan ke rumah-rumah ahli kariah. Setiap ahli kariah yang memerlukan bantuan kebajikan perlulah disantuni dengan sebaik-baiknya oleh pihak masjid untuk mendapat bantuan kebajikan tanpa ditinggalkan terabai, walaupun di sepanjang tempuh PKP pandemik covid 19.

Jika dalam sesuatu hari, bantuan makanan dan barang-barang keperluan yang diterima oleh masjid melebihi daripada yang diagihkan kepada penerima bantuan, baki bantuan makanan dan barang-barang keperluan tersebut boleh disimpan dengan baik dan selamat di gerobok rezeki atau bank makanan yang terdapat di premis masjid. Ianya adalah untuk diagihkan semula kepada ahli kariah yang memerlukan bantuan kebajikan tersebut pada hari berikutnya.

Selain daripada itu, pihak masjid boleh membuat persetujuan bersama dengan beberapa pihak pekedai atau peniaga yang akan dilantik sebagai pembekal bagi membekalkan barang-barang keperluan untuk sumbangan kebajikan kepada ahli kariah yang memerlukan. Beberapa kriteria utama sesebuah pekedai atau peniaga perlu diambil kira sewajarnya sebelum pelantikan tersebut dibuat. Antara kriteria tersebut ialah pemilikan muslim, saiz kedai atau perniagaan yang besar dengan memiliki pelbagai barangan keperluan, boleh menerima pesanan atau tempahan barang dalam kuantiti yang besar, boleh membungkus barang makanan yang dipesan dalam bentuk bungkusan-bungkusan bakul makanan, boleh menawarkan harga barang yang berpatutan untuk pesanan barangan dalam kuantiti yang besar dan mudah bertolak-ansur. Selain daripada itu, keupayaan untuk menghantar bakul makanan tersebut kepada ahli kariah yang memerlukan bantuan kebajikan, merupakan satu kelebihan kepada pekedai atau peniaga.

Oleh yang demikian, pihak masjid tidak memerlukan premis atau tempat khas untuk mengumpulkan dan menyimpan sumbangan makanan dan juga barang-barang keperluan lain sebelum diagihkan kepada ahli kariah yang memerlukan. Pihak masjid juga tidak perlu lagi menguruskan penerimaan dan pengagihan sumbangan kebajikan kepada ahli kariah secara langsung. Inisiatif ini dapat membantu mengurangkan banyak bebanan dan kerja-kerja pihak masjid dalam urusan-urusan penerimaan dan pengagihan sumbangan kebajikan kepada ahli kariah. Ianya juga bermaksud pihak masjid tidak lagi memerlukan tenaga sukarelawan yang ramai terutamanya untuk membantu kerja-kerja pengagihan sumbangan kepada ahli kariah yang memerlukan bantuan di mana mereka tinggal agak berjauhan dari masjid dan juga yang uzur (yang sudah tidak berkeupayaan) untuk datang ke masjid.

Sekiranya pihak masjid memilih untuk melantik pihak pekedai atau peniaga yang akan bertindak sebagai pembekal, keutamaan sumbangan yang diperlukan adalah dalam bentuk wang ringgit, bukan makanan atau barangan keperluan lain. Lantaran itu, pihak masjid akan lebih fokus dalam menguruskan kewangan berkaitan dana (sumbangan kewangan) yang diterima daripada penyumbang-penyumbang dan juga pembayaran kepada pekedai atau peniaga yang membekalkan barang-barang untuk sumbangan kebajikan kepada ahli kariah.

Selain daripada itu, pihak masjid perlu melakukan inisiatif untuk membuat semakan ke atas pekedai atau peniaga, bagi memastikan bahawa kuantiti, kualiti dan jenis barang yang dipesan untuk dimuatkan ke dalam bakul makanan adalah betul. Begitu juga, pihak masjid perlu menghubungi penerima-penerima bakul makanan tersebut,

untuk memastikan bahawa kesemua mereka telah menerima bakul makanan tersebut. Inisiatif tersebut perlu dilakukan oleh pihak masjid untuk memastikan pelaksanaan proses penyampaian (*the delivery process*) bantuan kebajikan tersebut adalah betul dan tepat. Ianya merupakan suatu bentuk tindakan semak dan imbang (*check and balance*) yang perlu dilakukan oleh pihak masjid. Dengan yang demikian, sebarang kesilapan (*error*) atau penipuan (*fraud*) semasa pelaksanaan proses penyampaian bantuan kebajikan tersebut dapat dicegah dan dihindarkan.

Di samping itu juga, pihak masjid perlu mempunyai penyumbang dana yang tetap sebagai punca sumber kewangan utamanya dalam aktiviti. Pihak masjid boleh mendapatkan kerjasama daripada pihak korporat atau individu jutawan yang dermawan dan juga ahli kariah yang berkemampuan untuk sama-sama menyumbang dalam bentuk kewangan secara berkala dan berterusan. Ianya adalah amat penting bagi memastikan kewangan untuk dana sumbangan kebajikan kepada ahli kariah adalah sentiasa ada dan mencukupi agar program bantuan kebajikan untuk ahli kariah yang memerlukan dapat dijalankan secara berterusan dari masa ke semasa.

Kesimpulan.

Pandemik covid 19 telah menyebabkan pengamalan norma baharu dalam aktiviti kehidupan seharian kita. Amalan norma baharu juga telah melibatkan banyak perubahan yang perlu dipraktikkan oleh organisasi atau institusi samada berorientasikan keuntungan atau tidak. Seiring dengan itu juga, institusi masjid tidak terkecuali daripada terlibat sama dengan pengamalan norma baharu dalam aktiviti hariannya. Pengamalan norma baharu di masjid telah memberi banyak perubahan kepada urus tadbir dan cara pelaksanaan aktiviti yang berkaitan institusi masjid. Rentetan daripada itu, aktiviti penerimaan sumbangan dan pengagihan sumbangan kebajikan kepada ahli kariah yang memerlukan bantuan juga tidak terkecuali daripada mengamalkan norma baharu dalam pelaksanaannya. Walaupun demikian, ianya tidak boleh dijadikan alasan yang menghalang pihak masjid daripada melaksanakan aktiviti penerimaan dan pengagihan sumbangan kebajikan kepada ahli kariah yang memerlukan. Justeru pihak masjid perlulah mempunyai inisiatif yang kreatif dalam mencari kaedah yang bersesuaian dan selari dengan kemampuan pihak masjid untuk meneruskan pelaksanaan penerimaan dan pengagihan sumbangan kebajikan kepada ahli kariah yang memerlukan. Terdapat pelbagai kaedah dan cara sebagai alternatif untuk melaksanakan aktiviti penerimaan dan pengagihan sumbangan kebajikan. Terpulang kepada pihak masjid untuk melaksanakan kaedah yang difikirkan sesuai dengan kemampuan dan keupayaan pihak masjid. Sayugia, walaupun di ketika masjid ditutup sementara disebabkan oleh masalah apa sekalipun, aktiviti penerimaan dan pengagihan sumbangan kebajikan perlulah diteruskan dan tidak terhenti. Ianya adalah demi untuk memastikan kebajikan ahli kariah yang memerlukan bantuan akan terus dibantu dan terbela.

Rujukan.

- Abdul Karim, A.H., Azalan, N.S., Ismail, M.F. (2020). Tahap kefahaman masyarakat Islam negeri Sembilan terhadap peranan maqasid syariah dalam menaggani wabak covid 19. *Jurnal Al-Sirat*.vol.1.no.19.
- Abdul Rahman, N. (2021). Boleh ambil makanan asas di 578 masjid seluruh Kedah. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/06/833881/> Jun 30, 2021.
- Arifin, L. (2021). Penutupan masjid, surau tak bererti amal ibadah terhenti. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2021/01/779633/> Januari 25 2021.
- Hanafi, K. (2020). Rangka pelan imarah semula masjid. <https://www.kosmo.com.my/2020/07/26/rangka-pelan-imarrah-semula-masjid/>
- Bernama. (2021). 'Total lockdown': SOP solat di masjid dan surau lebih ketat, aktiviti imarah ditangguh. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/total-lockdown-sop-solat-di-masjid-dan-surau-lebih-ketat-aktiviti-imarrah-ditangguh-300853.2021/5/31>.

- Harun, M.S., Hj Abdullah, L., Syed Jaafar, S.M.J., Md Ariffin, M.F. (2020). Analisis Larangan Aktiviti Keagamaan Di Masjid Dalam Peruntukan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Berdasarkan Parameter Maqāṣid Al-Sharī'ah. *Jurnal Fiqh*.vol.17.no.2.
- Mahaiyadin, M.H. & Samori, Z. (2020). Kawalan Penularan Wabak Merbahaya Menurut Perspektif Siasah Syar'iiyyah. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*.vol.22.no.1.
- Mat Ruzki, R. (2020). COVID-19: Penangguhan aktiviti di masjid, surau perlu diteruskan. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/25/669201/covid-19-penangguhan-aktiviti-di-masjid-surau-perlu-diteruskan>
- Mohd Bhukhari, A. Mohd Subri, I. (2020). Mendepani Cabaran Pandemik Covid-19 Di Malaysia: Aplikasi Konsep Murunah Dalam Fiqh Ibadah. *Perdana International Journal of Academic Research*.vol.9.no.1.
- Mohamad, H.F. (2020). Had pendapatan kemiskinan dinaikkan dari RM980 kepada RM2,208. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/07/709264/had-pendapatan-kemiskinan-dinaikkan-dari-rm980-kepada-rm2208>
- Mohamed, N.A. & Mohd Rani, M.D. (2020). Sesuaikan amalan norma baharu di masjid, surau. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/10/24/745602/sesuaikan-amalan-norma-baharu-di-masjid-surau>
- Muttaqin, A. & Sidik, R. (2021). Komitmen Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan ketika Era Covid 19 Di Negeri Sembilan. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*.vol.25.no.1.
- Omar, H. (2021). 'Menangis' masjid ditutup semula akibat PKP. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/663238/menangis-masjid-ditutup-semula-akibat-pkp>
- Ramli, S. (2021). Bank makanan masjid talian hayat ketika PKP. <https://www.utusan.com.my/nasional/2021/06/23>.
- Shaharin, N., Bhari, A., Mohamed Yusof, M.F., Yaakob, M.A.Z. (2021). Analisis Agihan Zakat Di Lembaga Zakat Selangor Semasa Pandemik Covid-19. *Perdana International Journal of Academic Research*.vol.11.no.1.
- Sulaiman, A. (2020). Pembudayaan norma baharu bersama jawatankuasa masjid dan pegawai syarak negeri Melaka. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2020/12/24/pembudayaan-norma-baharu-bersama-jawatankuasa-masjid-dan-pegawai-syarak-negeri-melaka/>
- Tuah, M.R. (2020). Kumpulan isi rumah B40, M40, T20 terbahagi pada 10 kategori. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/709371/kumpulan-isi-rumah-b40-m40-t20-terbahagi-pada-10-kategori>